

Keutamaan Ilmu Dalam Jaringan Pendidikan Islam di Antara Johor dan Pahang Pada Abad ke 19M

Nurulwahidah Fauzi, Nor Adina Abd Kadir
Nurul Aseah Fasehah Mohamad
Siti Nor Baya Mat Yacob

ABSTRAK

Pendidikan Islam adalah wadah yang terbaik dan dinamik bagi pembentukan insan yang kamil dan syamil secara sepadu dan seimbang berteraskan prinsip akidah, syariat dan akhlak bersumberkan al-Quran dan sunah ijmak. Proses yang melibatkan unsur taklim, tarbiah dan ta'dib yang terancang mampu mengembangkan potensi jiwa, intelek, emosi dan jasmani sehingga tercipta jiwa kehambaan yang menjadi asas pelaksanaan tanggungjawab kekhilafahan bagi mencapai hasanah di dunia dan akhirat. Kertas kerja ini berusaha bagi menjawab beberapa objektif utama nya, antaranya i) menilai keutamaan ilmu dan pendidikan menurut perspektif al-Quran dan Sunnah, ii) menelusuri proses kebangkitan ilmu dalam kalangan masyarakat Islam di Nusantara khususnya di Johor dan Pahang pada abad ke 19M. Metodologi kajian yang dijalankan ialah melalui metod kepustakaan dan Analisa kajian yang akan digunakan ialah metod induktif dan metod deduktif. Kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan yang erat dari sudut jalinan kerjasama di dalam proses perkembangan ilmu di kedua-dua negeri , di dalam mengangkat martabat agama Islam ke taraf yang tertinggi dalam amalan kehidupan masyarakat.

Kata Kunci: Ilmu, Pendidikan Islam, Johor, Pahang

PENDAHULUAN

Ilmu merupakan kata yang berasal dari bahasa Arab, masdar dari *alima* ya '*lamu* yang bererti tahu atau mengetahui, sementara itu secara istilahnya ilmu diartikan sebagai *Idroku syai bi haqiqotih* yang bermaksud "mengetahui sesuatu secara hakiki". Dalam bahasa Inggeris Ilmu biasanya dipadankan dengan kata *Scio*, *Scire* yang berarti tahu, yang mana secara umumnya maksud perkataan ini membawa juga kepada pengertian ilmu pengetahuan. Hubungan ilmu dan pengetahuan diletakkan di antara nilai yang tinggi sehingga ianya disebut berulang kali di dalam al-Quran dan hadith. Ini terbukti dengan penurunan wahyu pertama Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang mempunyai kaitan langsung dengan ilmu. Allah berfirman:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ اقْرَأْ وَرَبُّكَ
الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

Maksudnya: Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah dengan nama Tuhanmu yang Maha Mulia. Yang mengajar manusia dengan pena. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahui.

Surah al-Alaq (96: 1-5)

Ayat ini secara jelas menyampaikan bahawa Allah mengajar manusia dengan perantaraan tulis dan baca sekaligus membuktikan akan luas sifat-Nya, banyak kemuliaan dan ihsan-Nya, luas kepemurahan-Nya, dimana di antara kemurahan-Nya adalah mengajarkan berbagai ilmu kepada manusia. Ilmu pada pandangan Islam adalah satu-satunya alat bagi manusia sampai kepada kebenaran (hakikat). Ia tidak mengalami sebarang masalah baik dari segi kaedah pengambilan mahupun penggunaannya¹. Justeru kerana itu, Al Quran merupakan sumber utama dan terpenting bagi semua jenis ilmu pengetahuan.

Perbahasan tentang konsep ilmu ini secara tuntasnya telah diulas secara panjang lebar oleh para ilmuan Islam terdahulu dan kontemporari. Menurut pandangan al Ghazali, manusia mempunyai dua bahagian yang penting, iaitu roh dan jasad dengan keperluan berbeza. Bagi membina insan yang sempurna, manusia memerlukan dua jenis ilmu iaitu ilmu rohani dan jasmani.²

KEUTAMAAN ILMU DI DALAM PERBAHASAN AL-QURAN DAN HADITH

Perihal kepentingan ilmu banyak disebut di dalam al-Quran Hadith dan dibincangkan secara lebih lanjut lagi oleh ramai para ilmuan. Proses pengajaran dan pembelajaran buat kali pertamanya telah Allah ajarkan kepada manusia melalui Nabi Adam a.s yang merupakan manusia pertama diciptakan oleh Allah. Baginda telah diajarkan nama benda-benda yang berada di sekitarnya dan diminta oleh Allah untuk memberitahu kepada sekalian malaikat yang ada. Hal ini dapat dilihat di dalam firman Allah:

قَالَ يٰٓآدَمُ اٰتِئْهُمْ بِاَسْمَائِهِمْ ۖ فَلَمَّ اٰتٰهُمْ بِاَسْمَائِهِمْ قَالَ اَلَمْ اَقُلْ
لَكُمْ اِنِّيْ اَعْلَمُ غَيْبَ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ وَاَعْلَمُ مَا تُبْدُوْنَ وَمَا
كُنْتُمْ تَكْتُمُوْنَ ﴿٣٣﴾

Maksudnya: Dia Berkata: Wahai Adam! beritahukanlah kepada mereka nama-nama itu semuanya! Maka tatkala telah diberitahukannya kepada mereka nama-nama itu semua, berfirmanlah Dia : Bukankah telah Aku katakan kepada kamu, bahwa sesungguhnya Aku lebih mengetahui rahasia semua langit dan bumi, dan lebih Aku ketahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembuiyikan.

Surah al-Baqarah (2):33

¹ Ghazali Basri, *Di Sekitar Permasalahan Ilmu di dalam buku Faham Ilmu, Pertumbuhan dan Implikasi* (Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1990), 9.

² Wan Fuad Wan Hassan, *Ringkasan Sejarah Sains* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 1-2.

Ayat ini telah memperjelaskan mengenai dua perkara yang utama, iaitu i) kejadian manusia yang secara fitrah telah dikurniakan akal dan keinginan untuk mengetahui telah ditunjukkan dalam al-Quran melalui surah al-Baqarah di atas, di mana Allah s.w.t. mengangkat darjat manusia dengan ilmu melebihi darjat para malaikat yang diperintahkan sujud kepada Nabi Adam sebagai penghormatan kepada manusia yang dimahkotakan Allah jawatan khalifah di muka bumi, ii) menunjukkan Allah amat menitikberatkan ilmu sebagai suatu proses di dalam membina asas pengetahuan dalam kehidupan manusia sejak dari awal penciptaannya lagi. Menurut Hamka (1984), proses penciptaan manusia ini telah melengkapkan pembuktian kekuasaan Allah yang telah menciptakan pelbagai peringkat alam seperti alam malaikat, alam haiwan, alam tumbuh-tumbuhan dan alam insan. Ketinggian martabat manusia sebagai insan telah diangkat melalui ilmu yang dikurniakan oleh Allah dan secara tidak langsung menunjukkan bahawa hanya dengan ilmu maka manusia dapat mentadbir alam ini dengan baik mengikut landasan syariah yang sebenar.³

Dalam ayat yang lain, Allah s.w.t. turut menerangkan kepentingan ilmu seperti dalam surah an-Nisa, ayat 113 yang menerangkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. telah diberikan kurniaan yang besar oleh Allah dengan anugerah ilmu daripada al-Quran dan Sunnah serta apa yang Allah ajarkan kepada baginda, sehingga ia menjadi perisai kepada Baginda daripada kesesatan dan kejahatan orang-orang yang menzalimi Baginda.⁴ Berikutnya dalam Surah at Taha, Allah menyuruh Nabi s.a.w. supaya sentiasa berdoa untuk ditambahkan ilmu dan Allah melarang untuk tergesa-gesa memahami sesuatu. Berikutnya menerusi Surah ar-Ra'd⁵, Allah menegaskan bahawa orang-orang yang telah mendapat kebenaran daripada Tuhannya tidak sama dengan orang buta, mereka boleh melihat dengan jelas antara yang benar dan yang salah.

Keutamaan ilmu juga disebut berulang kali oleh Rasulullah s.a.w. di dalam sabda Baginda yang bermaksud:

*“Barang siapa yang mendatangi masjid ku ini, yang dia tidak mendatangnya kecuali untuk kebaikan yang akan dipelajarinya atau diajarkannya, maka kedudukannya sama dengan mujahid di jalan Allah. Dan siapa yang datang untuk maksud selain itu, maka kedudukannya sama dengan seseorang yang melihat barang perhiasan orang lain”*⁶

Berikutnya, sabda baginda s.a.w.:

Barangsiapa melalui satu jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan memasukkannya ke salah satu jalan di antara jalan-jalan syurga, dan sesungguhnya malaikat benar-benar merendahkan sayap-sayapnya karena reda terhadap penuntut ilmu, dan sesungguhnya seorang alim benar-benar akan diminta ampunan oleh makhluk yang ada di langit dan di bumi, bahkan ikan-ikan di dalam air. Dan sesungguhnya keutamaan seorang alim atas seorang abid (ahli ibadah) adalah seperti keutamaan bulan purnama atas seluruh bintang-bintang yang ada. Dan sesungguhnya ulama adalah pewaris para Nabi, dan sesungguhnya para Nabi tidak mewariskan dinar ataupun dirham, mereka hanya mewariskan ilmu. Maka barangsiapa mengambilnya, maka hendaklah dia mengambilnya dengan bahagian yang banyak”

Hadis riwayat Abu Hurairah

³ Hamka (1984).

⁴ Surah an-Nisa (4): 33.

⁵ Surah al-Ra'd (13):19.

⁶ Sahih Muslim, No Hadith:27222

Tidak terhenti sehingga pada zaman Nabi s.a.w. sahaja, malah para sahabat baginda terus menghidupkan budaya ilmu sehingga melahirkan tokoh-tokoh ilmuwan yang disegani. Buktinya, Ibnu Sina seawal usianya 21 tahun beliau telah berjaya menghasilkan beberapa karya hebat dalam pelbagai bidang dan menjadi rujukan di universiti-universiti di Eropah khususnya pada abad ke-17⁷. Antara buku-buku tulisan beliau ialah *al-Hasil wa al-Mahsul* yang terdiri daripada 20 jilid, *al-Shifa* 18 jilid, *al-Qanun fi al-Tibb* 14 jilid, *al-Najat* 3 jilid; dan *Lisan al-'Arab* 10 jilid⁸. Selain itu, al-Khawarizmi telah mencipta teori Algebra dan mencipta angka Arab menggantikan angka Roman. Ciptaan beliau ini telah memudahkan pengiraan dalam ilmu matematik. Permulaan kajian beliau dalam ilmu matematik ini adalah bertitik tolak daripada jiwa ketaqwaan dan motivasi agama yang dimilikinya untuk menyelesaikan permasalahan hukum waris dan jual beli. Hasilnya, beliau berjaya menemukan penemuan baru dan menulis buku dalam bidang matematik⁹.

Seorang lagi tokoh hebat dalam sejarah Islam ialah Muhammad Al-Fateh. Kewibawaan beliau dalam memimpin tentera dan komitmen beliau dalam merebut kota Konstantinopel (kini Istanbul) terus meletakkan Islam berada di puncak. Pemuda hebat ini tidak hanya bergantung kepada kekuatan fizikal dan semangat semata-mata namun wawasan yang tertanam di mindanya juga adalah hasil daripada penguasaan ilmu yang mantap meliputi ilmu keagamaan dan keduniaan. Peribadi al-Fateh ini adalah contoh pemuda yang dididik berdasarkan kepada tasawur kehidupan Islam yang dicetuskan daripada sebuah epistemologi yang betul. Lebih dari itu, tokoh-tokoh yang disebutkan ini hanyalah merupakan sebahagian kecil darinya, yang menunjukkan keistimewaan dan kesungguhan mereka di dalam mengangkat martabat ilmu. Seterusnya, kesinambungan jaringan keilmuan ini akan difokuskan khususnya di Tanah Melayu, terutamanya di Johor dan Pahang.

SEJARAH RINGKAS DINAMIKA ILMU DI TANAH MELAYU

Sikap cakna di dalam meletakkan roh ilmu di dalam jiwa masyarakat muslim ini juga dapat ditelusuri sejarahnya terhadap proses islamisasi ilmu di Tanah Melayu. Pendidikan ilmu yang terawal telah berlaku dalam bentuk bukan formal dipercayai telah berkembang di Semenanjung Tanah Melayu dan Nusantara Melayu pada abad ke-14M hingga abad ke-16M bersama dengan pengembangan Islam yang dibawa oleh pedagang Arab dan India yang datang berdagang ke Asia Tenggara. Manakala pendidikan secara formal dan sistematik di Tanah Melayu telah bermula dengan kedatangan syarikat-syarikat perdagangan Inggeris berserta dengan mubaligh Kristian pada akhir abad ke-18. Di antara tempoh sepanjang abad ke-18 hingga akhir abad ke-19, ramai tokoh ulama Islam telah berusaha mendirikan sekolah-sekolah pondok (Arab) dan madrasah di seluruh Semenanjung Tanah Melayu terutamanya di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Johor.¹⁰

Institusi pendidikan Islam didapati telah berperanan positif dalam mengembangkan ajaran Islam sama ada melalui institusi surau, pondok dan madrasah. Ada yang berpendapat ia berilhamkan dari ajaran-ajaran reformis dari Timur Tengah seperti Sayid Jalaluddin al-

⁷ W. Montgomery Watt, 1997.

⁸ 'Abd al-Rahman al Naqib, "Avicenna 370AH- 428AH –980 AH- 1037AD", *Prospects: the quarterly review of comparative education* (Paris, UNESCO: International Bureau of Education, vol. XXIII, no. 1/2, 1993), (2000), 53-69.

⁹ Madiha Baharuddin, "The Position of Algebra in Science of Faraid: The Role of al-Khawarizmi in His Book *al-Jabr Wa al-Muqabalah*" dalam *Peradaban Islam Di Asia, Isu Sejarah*. (USIM:Penerbit USIM,2017),85-103

¹⁰ Sufean Hussin, *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993),3.

Afghani (1839-1907) dan Muhammad Abduh (1849-1905), di mana sekolah-sekolah agama telah menjadi satu momentum yang sesuai untuk masyarakat mendapatkan pendidikan pada ketika itu. Para sarjana Islam telah memikirkan dan merancang pelbagai usaha bagi memperkasakan peranan institusi pendidikan Islam ini dalam menghadapi pelbagai cabaran mendatang. Antara elemen yang ditekankan dalam mana-mana institusi pendidikan Islam ialah:¹¹

- 1) Aspek disiplin yang cukup tinggi bagi melahirkan insan Muslim yang mantap dari segi ilmu dan akhlak,
- 2) Pendekatan dan penerapan konsep budaya ilmu dan pendemokrasian pendidikan kepada pelajar terbabit,
- 3) Mewujudkan sukatan pelajaran yang *advance* untuk kepentingan semasa,
- 4) Menggalakkan pelajar untuk mengadakan rihlah ilmiah (melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi) dan
- 5) Mewujudkan jalinan antara institusi pendidikan Islam sedunia yang saling mendapat pengiktirafan yang cukup baik.

Pada umumnya, struktur pendidikan Islam atau pengajian Islam di Tanah Melayu adalah bersifat menyeluruh bermula di peringkat rendah, menengah dan tinggi.¹² Pendidikan Islam turut berlaku di rumah, surau, pondok dan masjid oleh para guru yang terdiri daripada imam dan ulama di mana ada sebahagiannya berketurunan Sayid dan Syekh. Pada waktu ini peringkat-peringkat pengajian tidak begitu ketara kerana ia hanya merupakan pengajian yang tidak formal. Penekanan pengajian lebih kepada mendalami kitab suci al-Quran, bahasa Arab, Tasawuf, Fiqah, Tauhid, Sejarah Islam dan Fardu Ain.¹³ Perkembangan pendidikan seperti ini penting kerana telah menyediakan asas kepada perkembangan pendidikan orang Melayu. Asas yang diterokai ini membantu memudahkan perkembangan vernakular apabila diperkenalkan kemudiannya oleh British sebagai satu bentuk pendidikan dalam masyarakat Melayu.¹⁴

KEDATANGAN ISLAM KE JOHOR DAN PAHANG

Menurut kenyataan Robert Mc Amis, beliau menyatakan proses kedatangan Islam ke Nusantara secara umumnya berlaku adalah berdasarkan kronologi berikut;

- 1- Hubungan terawal - sejak 674M
- 2- Islam mula bertapak di sekitar bandar pesisir pantai - 878M
- 3- Islam mula memainkan kuasa politik - 1204M
- 4- Tempoh paling berkembang - 1511M.

Kewujudan komuniti Arab di sekitar Nusantara mula kelihatan melalui beberapa perkampungan Arab di persisiran pantai Barat Sumatera pada tahun 674M. Kemudian rekod

¹¹ Rahimin Affandi Abd Rahim dan Idris Awang, "*Usaha Memperkasakan Institusi Pendidikan Islam di IPTA Malaysia: Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM*", dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan memperkasakan sistem pendidikan*. (Johor Bharu :Anjuran Fakulti pendidikan UTM, , pada 21 Okt 2003), 2003.

¹² Haji Abdullah Ishak, *op.cit*, (1995), 187.

¹³ Awang Had Salleh, *Pendidikan ke arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*. (Kuala Lumpur: Fajar bakti, 1980), 7.

¹⁴ C. D. Chelliah, *A History of Education Policy of The Straits Settlements*. (Kuala Lumpur: Tha Government Press, 1947), 63.

sejarah mendapati sebanyak 35 buah kapal dagang yang datang dari Pasai singgah ke Palembang semasa perjalanan menuju ke negara China pada tahun 717M. Rekod geografi Arab-Parsi yang terawal pula menyatakan hubungan antara Arab dengan Tanah Melayu serta Indonesia ditemui pada pertengahan abad ke-9M. Interaksi perdagangan melalui dua benua ini semakin terserlah melalui medium agama Islam dan karekteristik sufism, malah masyarakat Arab sentiasa menjadi sebutan sebagai pembawa agama suci ini selain pengembang Islam dari China, India dan sebahagian kecil berpendapat daripada Kesultanan Delhi dan Turki. Sepanjang tempoh abad ke 10M sehingga abad ke 15M kemudiannya, kajian akademik menemui beberapa lokasi penempatan masyarakat Arab, antaranya melalui penemuan batu nisan di Bruas, sebuah kerajaan Melayu kuno di Perak dan batu nisan di Gresik, Jawa pada 1082M. Selain itu, beberapa rekod sejarah merakamkan penglibatan aktif membabitkan elit agama dalam kalangan Arab dari Hadramaut, Yaman di sekitar Kepulauan Nusantara di antara tempoh ini. Antara mereka ialah Shaykh 'Abd Allah 'Arif (abad ke 12M), Tuan Masha'ika (akhir abad ke 13M), Tun Karim al-Makhdum (1360 M), Malik Ibrahim (1419 M), dan Syarif Muhammad Kabungsuan (awal abad ke 15M). Meskipun sepanjang tempoh ini tidak memperlihatkan populasi dalam jumlah yang besar dalam kalangan komuniti Arab Hadhrami dalam dakwah terhadap pemerintah, namun Azyumardi Azra berpendapat telah wujud pengajaran dan pembelajaran mengenai agama Islam dalam kalangan masyarakat setempat. Malah, sebahagian daripada mereka berasimilasi melalui ikatan perkahwinan dengan masyarakat setempat. Apabila wujudnya ikatan perkahwinan ini secara tidak langsung memudahkan penyebaran agama Islam apabila mereka dikurniakan kuasa mutlak dalam institusi pentadbiran agama, autoriti dalam mengeluarkan fatwa, mendirikan pesantren, madrasah, mewujudkan kurikulum sekolah agama untuk masyarakat Islam setempat malah menghasilkan karya keagamaan sebagai bahan rujukan awam.

Sebelum kedatangan Islam ke negeri Tanah Melayu, beberapa sejarawan pula mendakwa bahawa agama anutan penduduk di Tanah Melayu secara umumnya adalah beragama Buddha.¹⁵ Ritual kegamaan di Pahang misalnya, menunjukkan terdapatnya amalan penyembahan berhala di samping melakukan pengorbanan manusia. Kenyataan ini disokong kuat oleh fakta yang mengatakan negeri Pahang dijajah oleh Kerajaan Siam yang menganut agama Buddha sebelum dikalahkan oleh Kerajaan Melaka pada tahun 1454M.¹⁶ Terdapat catatan yang menunjukkan bahawa penyebaran Islam ke negeri Pahang berlaku hasil penaklukan kerajaan Melayu Melaka ke atas negeri ini.¹⁷

Empayar kerajaan Melaka telah menakluk dan memerintah Pahang selama 150 tahun di bawah pemerintahan Raja Melayu Melaka. Keadaan ini berlaku apabila Kerajaan Melayu Melaka di bawah pemerintahan Sultan Mansur Shah (1457-1477) telah menghantar satu angkatan perang yang diketuai oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak dan Sri Bija Diraja untuk menyerang Pahang.¹⁸ Puteri Maharaja Dewasura yang bernama Puteri Wang Sri telah diislamkan dan ditukar namanya kepada Puteri Lelawangsa. Sultan Mansur Shah kemudian mengahwininya dan memperoleh dua orang putera bernama Raja Ahmad dan Raja Mahmud. Dengan pengislaman sultan dan orang-orang istana maka seluruh pembesar dan rakyat jelata di Pahang telah diislamkan. Sejak dari itu, kedudukan Islam semakin kuat di negeri Pahang dan pada pertengahan abad ke-16, orang Minangkabau yang datang dari Sumatera Indonesia telah berpindah beramai-ramai ke negeri Pahang dan telah menganut agama Islam lima abad

¹⁵ W. Linehan, *History of Pahang*, vol. XIV, (JMBRAS. Kuala Lumpur, 1973), 31.

¹⁶ Abd Jalil Borham, *Islam Di Pahang*. (Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang, 2012), 107.

¹⁷ Buyong Adil, *Sejarah Melaka Dalam Zaman Kerajaan Melaka*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1973), 33, lihat juga Abd Jalil Borham (2012), *op.cit*.

¹⁸ W. Linehan, *op.cit*, (1973), 33.

lebih awal berbanding penduduk asal Pahang. Kebanyakan mereka duduk menetap di sepanjang sungai Pahang dari kawasan Jelai hingga ke Luit.¹⁹

Islam di Johor pula berkembang lebih awal berbanding dengan Pahang, oleh kerana negeri ini telah ditadbir oleh Kesultanan Melayu Melaka seawal abad ke 14M, dan meneruskan kegemilangan Islam di bawah Kesultanan Johor-Riau. Keterikatan kedua-dua negeri ini di antara satu sama lain di bawah Kesultanan Melayu Melaka, menyebabkan institusi Islam nya berkembang dengan pesat di bawah seliaan pentadbir nya.

Sejarah penglibatan ulama sama ada dalam menyumbang terhadap modenisasi pentadbiran dan pendidikan keagamaan Johor secara tidak rasmi dapat dikesan sejak sebelum lahirnya kerajaan Johor sekitar abad ke-16M lagi. Ia melibatkan dua kategori ulama yang terbahagi kepada dua bahagian, pertama ulama *hukumat* iaitu ulama yang berkhidmat di dalam kerajaan dengan jawatan sebagai mufti dan kedua ulama '*Addin*'²⁰ iaitu yang tidak terikat dengan mana-mana pihak kerajaan, malah kebiasaannya bertugas menyampaikan dakwah Islam secara bebas kepada masyarakat.

Beberapa rekod sejarah pernah merakamkan penglibatan para ulama sama ada terdiri daripada mereka yang berketurunan Arab Hadhrami mahupun ulama di kalangan rakyat tempatan.²¹ Penglibatan ulama Arab Hadhrami dalam institusi keagamaan kerajaan Johor

¹⁹ J. M Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1970), 223. Lihat juga Abd Jalil Borham (2010), *Jejak Warisan Pahang Pencetus Tamadun Pembangunan Modal Insan Holistik*. Ucapama Seminar Kebangsaan Jejak Warisan Negeri Pahang: Wacana Mengingati Sejarah Ke arah Kecemerlangan Masa Depan, Universiti Malaysia Pahang, 24 September 2010.

²⁰ Bermaksud agama. Rujuk Noresah Baharom (ed.), c.4. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 8.

²¹ Antara ulama tempatan yang menjadi sebutan ulama tempatan tersohor antaranya ialah Tun Sri Lanang (1565-1615 M) yang berkhidmat di bawah pemerintahan pimpinan Sultan Ali Jalla 'Abdul Jalil Shah I (1580-1597 M). Tun Sri Lanang atau nama sebenarnya Tun Muhammad, adalah Bendahara Johor sekitar tahun 1580M. Beliau adalah piut Bendahara Tun Mutahir yang mati dibunuh atas pergolakan negeri yang berlaku ketika itu. Tun Ahmad ayah Tun Sri Lanang ialah anak Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir yang dihukum bunuh oleh Sultan Mahmud Shah pada 1509M. Penglibatan Tun Sri Lanang terserlah apabila beliau mengikuti Sultan Alauddin Riayat Shah II untuk mendapatkan perlindungan politik selama tiga tahun, dari tahun 1612-1615M. Lihat di dalam 'Abd. Rahman Hj. Ismail (2000), "Sejarah Melayu atau Sulalat-us-Salatin: Tun Sri Lanang atau Tun Bambang", (Seminar Sejarah Dan Budaya Johor Tahun 2000, anjuran Yayasan Warisan Johor dengan kerjasama GAPENA, di Johor Bharu, 3-6 Mei 2000), h. 4. Tun Sri Lanang pernah dibawa ke Aceh pada 7 Mei 1613 M dan sepanjang tempoh itu beliau berkesempatan berguru dengan Nuruddin Ar-Raniri, Tun Aceh, Tun Burhat, Hamzah Fansuri serta Syekh Shamsuddin al-Sumatrani. Proses pembelajaran yang diterima ini menjadikan beliau seorang yang alim dalam bidang agama sehingga beliau juga mampu memberi sumbangan di dalam bidang keagamaan di sekitar Aceh waktu itu. Atas sumbangan kewibawaan dan kemahiran intelektual itu, beliau diangkat menjadi Raja di Samalanga. Untuk bacaan lanjut, sila rujuk Shafie Abu Bakar (1993), "Melaka Sebagai Pusat Penyebaran dan Perkembangan Islam di Alam Melayu" (Kertas kerja Konvensyen Melaka Dalam Warisan Dunia, April 1993), h. 4; Harith Faruqi Sidek (2007), "Tun Sri Lanang: Sejarah Ringkas Perintis Alam Kesusasteraan Melayu". *Buletin ILHAM*, Bil 8. 2007, h. 5-6. Selain daripada ulama yang menjadi pendokong agama di dalam istana Johor, terdapat juga di kalangan kaum kerabat di dalam istana sendiri yang berperanan dalam bidang agama di Johor. Antaranya Raja Ali Haji (1809-1871 M) yang berkhidmat di bawah Engku Kelana Raja Ali (1845-1857), sewaktu Johor masih bersatu di bawah bumbung Empayar Johor-Riau. Raja Ali Haji, yang hidup sekitar tahun 1809-1871/72 juga adalah seorang ulama pada zamannya. Nama sebenarnya ialah Raja Ali Bin Raja Haji Ahmad. Beliau berasal daripada keturunan Daeng Bugis. Ayahandanya, Raja Ahmad adalah adinda Raja Jaafar, Yang Dipertuan Muda Riau Yang Keenam (1805- 1834). Pada ketika itu, Raja Ali dilantik menjadi penasihat hal ehwal agama, malah sepanjang tempoh perkhidmatannya, beliau berjaya menjadikan Pulau Penyengat sebagai pusat kebudayaan Melayu dan pusat pengetahuan Islam. Usaha ini dibuktikan melalui kedatangan para ulama yang dijemput khas bagi mengajar di negeri tersebut, antaranya Sayyid 'Abdullah Bahrain dan Syekh Ismail. Raja Ali sendiri melalui ketokohnya sebagai ulama juga mengajar ilmu saraf, nahu, usuluddin, fiqh dan tasawuf. Antara muridnya ialah Yang Dipertuan Muda Riau. Selain kelebihan sebagai ilmuwan, beliau juga berbakat dalam bidang penulisan. Sumbangannya dalam bidang agama, bahasa, persuratan, dan sejarah menjadi bahan kajian ramai sarjana dan orientalis. Antara

dapat ditelusuri melalui sumbangan individu-individu penting misalnya M. A. Rauf yang mendakwa bahawa pada akhir abad ke-15M terdapat seorang ulama Arab yang bernama Syarif Muhammad Kabungsuan.

Beliau merupakan anak bongsu seorang syarif (bangsawan) yang berkahwin dengan seorang puteri raja Johor dan belayar dari Johor ke Filipina untuk berdakwah seterusnya menetap di sana.²² Ini membuktikan Johor telah pun menerima pengaruh daripada pendakwah khususnya Arab sejak sekian lama. Maka, tidak mustahil pada abad-abad kemudiannya mereka meneruskan tradisi intelektual di dalam istana malah secara langsung terlibat dalam sektor ekonomi dan politik antarabangsa serantau.

Selain itu, sejarah juga merekodkan penglibatan keluarga Arab Hadhrami dalam politik iaitu Tun Habib 'Abdul Majid (1637-1697M) yang berkhidmat sebagai Bendahara di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Shah II di Johor. Pemerintahan istana telah mencapai puncak kegemilangan dalam pemerintahannya semasa Tun Habib 'Abd Majid berkhidmat.²³

Kemunculan dan kredibiliti masyarakat Arab Hadhrami mula diperakui secara langsung apabila kebanyakan daripada mereka diberi kepercayaan memegang jawatan sebagai mufti²⁴ sewaktu zaman Sultan Abu Bakar. Pelantikan mufti dalam pentadbiran agama Johor dapat dilihat di dalam rekod separa rasmi yang terawal pada tahun 1873M, apabila Syed Salim bin Ahmad al-'Attas dilantik sebagai mufti pertama di Johor bergelar Syeikhul Islam.²⁵ Menurut Abd. Jalil Borham, peranan Syed Salim bin Ahmad al-'Attas pada waktu itu agak sukar ditemui kerana rekod perkhidmatan beliau belum diwujudkan mengikut sistem fail.²⁶

nukilan karyanya ialah *Intizam Wazaif al-Malik* (Peraturan Sistematik tentang Tugas-tugas Raja), *Samarat Al-Muhimmah Difayah Li Al-'Umara Wa Al-Qubara' wa Li Ahl Al-Mahkamah* (Pahala Bagi Tugas-tugas Keagamaan Bagi Para Pemimpin, Pembesar dan Para Hakim), *Kitab Salasilah Melayu dan Bugis* (1860) dan *Tuhfat al-Nafis* (1865). Lihat __ (1999), *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, J.4, h. 2020-2021.

²² M. A. Rauf, *Ikhtisar Sejarah Islam dan Hubungannya Yang Khusus Dengan Semenanjung Malaysia*. Rustam A.Sani (terj.), (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1987), 107.

²³ Keturunannya adalah daripada Syed 'Abdul yang berhijrah ke Habsyah. Sebelum sampai ke Johor, mereka singgah ke beberapa kawasan di Singapura dan kepulauan Indonesia dengan tujuan berniaga sambil berdakwah. Sebahagian besar daripada mereka adalah daripada keturunan Alawiyyin. Imam Syed Zain Bin Hussien al-Habsyi, anak murid Syed 'Alwi bin Tahir al-Haddad. Temubual pada 9 Mei 2008.

²⁴ Gelaran dan jawatan seumpama Mufti mula wujud di Johor sejak dari tahun 1882-1886, tetapi ia di bawah gelaran Ketua Hakim di dalam mahkamah Tinggi Negeri Johor. Fungsi tugas ini dinaiktarafkan pada tahun 1887 apabila seorang hakim yang bernama Dato' Hj. Muhammad Salleh dilantik bagi menguruskan perjalanan undang-undang negeri. Sejak itu sehingga tahun 1909, penjawat tugas ini hanya berkhidmat sebagai penasihat undang-undang Islam dan pembantu hakim sahaja. Sahari Jantan (1975), "Perkembangan Pentadbiran Johor Abad ke-19", *Jebat*, Bil 5&6, 1975, h. 78. Kemudian, apabila Jabatan Agama Johor ditubuhkan sebagai salah satu daripada usaha modenisasi yang dilakukan oleh Sultan Abu Bakar, jawatan sebagai mufti dianggap sebagai salah satu jawatan terpenting di dalam pentadbiran keagamaan di Johor. Ia dapat dilihat apabila bermula tahun 1925, mana-mana mufti yang dilantik secara automatiknya memegang jawatan sebagai Naib Pengerusi Jabatan Agama Johor atau pemangku Yang Dipertua. Muhd Said Haji Sulaiman (1951), *Tawarikh Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim*, Johor Bharu: Pejabat Cetak Kerajaan Johor, h. 2.

²⁵ *Ibid.* Gelaran Syeikhul Islam secara jelasnya melambangkan pengaruh yang dibawa oleh kerajaan Turki Uthmaniyyah pada zaman Sultan Abu Bakar, malah jika melihat kepada tarikh pelantikan Syed Salim Al-'Attas iaitu pada tahun 1873, ia tidak jauh bezanya dengan tarikh mereka berdua mula bersahabat. Usaha memartabatkan Islam di dalam suatu jabatan yang rasmi telah dilakukan oleh Sultan Abu Bakar melalui pengisytiharan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor pada tahun 1895M dengan pembuktian untuk menyatakan bahawa undang-undang Islam dilaksanakan di negeri itu sebagai agama negeri. Maka serentak dengan itu jawatan Mufti dan Qadi telah diadakan dengan rasminya. 'Abd. Jalil Borham, *Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Johor*, (Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2002), 82.

²⁶ *Ibid.*, 85.

Hubungan akrab Sultan Johor dengan kerajaan Turki Uthmaniyyah menyebabkan baginda sultan lebih cenderung melantik mufti yang berasal dalam kalangan Arab Hadhrami kerana mengambil contoh pentadbiran yang dijalankan oleh kerajaan Turki Uthmaniyyah. Johor misalnya telah pun mempunyai beberapa orang mufti terawal yang separuh daripadanya dikepalai oleh golongan masyarakat Arab Hadhrami, sepertimana yang terlampir dalam Jadual 1.1 di bawah;

Jadual 1.1 :Senarai Mufti Johor dari Tahun 1896-kini

Bil	Senarai Mufti	Tahun Berkhidmat
1	Dato' Syed Salim Bin Ahmad Al-'Attas	1314-1317H/1896-1899M
2	Dato' Syed 'Abd Qadir Bin Muhsin Al-'Attas	1325-1352H/1907-1933M
3	Tuan Syed Salim bin Hassan al-'Attas	1352H/ 1933M ²⁷
4	Dato' Syed 'Alwi bin Tahir al-Haddad	1352-1360H/1933-1941M
5	Tan Sri Dato' Hj. Hassan Bin Hj. Yunus	1360-1366H/1941-1947M
6	Dato' Syed 'Alwi bin Tahir al-Haddad	1366-1380H/1948-1961M
7	Prof. Tan Sri Dato' Dr Hj. 'Abd Jalil Hasan	1381-1383H/1961-1964M
8	Dato' Hj. 'Abdul Rahim Bin Yunus	1384-1397H/1965-1977M
9	Dato' Syed Alwee bin 'Abdullah Al-Haddad	1397-1401H/1977-1981M
10	Dato' Hj. Ahmad Bin Awang	1401-1420H/1981-1999M
11	Dato' Syeikh Hj. Noah Bin Gadot	1420H-1430H/1999-2009M
12	Dato' Hj. Tahir Bin Shamsuddin	1430 H- sekarang

Sumber: Biografi Mufti-mufti Negeri Johor 1314-1428H bersamaan dengan 1896-2007M, Unit Penerbitan, Penerangan dan Perpustakaan, Bahagian Falak dan Sumber Maklumat, Jabatan Mufti Johor.

Jadual 1.1 di atas menjelaskan bahawa sejak dari tahun 1885M hingga 1940M, seramai lima orang ulama telah dilantik sebagai mufti di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim yang kebanyakannya terdiri daripada masyarakat Arab, iaitu Syed Mohamad bin Syeikh (menurut cucunya, Syed Jamal, Syed Mohamad merupakan salah seorang daripada mufti separa rasmi dan terawal di Johor), Dato' Syed Salim bin Ahmad al-'Attas, Dato' Syed 'Abd Qadir bin Muhsin al-'Attas, Dato' Syed 'Alwi bin Tahir al-Haddad dan Dato Syed Alwee bin 'Abdullah al-Haddad.²⁸

PERKEMBANGAN INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM DI JOHOR DAN PAHANG

Perkembangan institusi pendidikan Islam kedua-dua negeri ini telah bermula di surau dan masjid yang mana ia disampaikan oleh guru-guru agama. Kebanyakan ulama di negeri Pahang misalnya mengikuti pengajian di pondok dan madrasah seperti di pondok Bunut Payong, Kelantan dan madrasah al-Attas, Johor.²⁹ Jaringan ilmu yang disampaikan oleh para ulama dari Hadramaut Yaman ini telah menyemarakkan proses keilmuan dalam kalangan masyarakat awam di Tanah Melayu. Sekembali pendakwah-pendakwah agama ini ke kampung halaman mereka akan menyampaikan ilmu-ilmu yang dipelajari kepada masyarakat setempat sama ada di surau dan masjid. Justeru, institusi surau dan masjid menjadi tempat terawal dalam menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat sama ada mengajar membaca al-Quran dan mendalami ilmu agama yang lain. Menurut Munshi Abdullah dalam kisah

²⁷ Beliau menerima lantikan sebagai pemangku mufti sehingga jawatan Mufti dipegang oleh Syed 'Alwi bin Tahir al-Haddad. *The Straits Times*, November 29, 1933 "Johore Mufti", h.18. National Library Board, Singapore. Accessed 6 April 2011, <http://newspapers.nl.sg/>.

²⁸ SSD 1885-1940.

²⁹ Saliturahim Alias et.al, *Sekolah Agama Islam di Pahang: Satu Kajian Sejarah dan Perkembangan Awal*, dalam Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam, (Seremban : 3-6 Julai 2012).

pelayarannya ke Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang), beliau mendapati usaha-usaha pendidikan Islam telah wujud walaupun dalam keadaan yang terbatas. Beliau berkata:

“syahadan, maka tiadalah tentu satu atau dua tempat orang mengajar mengaji, melainkan adalah dalam sepuluh dua belas rumah seseorang dua orang anak-anak mengaji Kuran, bukannya bahasa melayu, kerana demikianlah adat dalam segala negeri-negeri melayu dalam dunia”³⁰

Selain itu ada di antara pendakwah yang membuka pusat pengajian pondok di daerah masing-masing bagi memudahkan masyarakat setempat mempelajari ilmu agama.³¹ Antaranya Haji Ismail Akil di Kampung Pasir Mas, Kuala Lipis; Haji Ibrahim bin Mohd Ali di Tanjung Besar, Kuala Lipis; Haji Abdul Mubin bin Mohd Taib di Beserah Kuantan; Haji Junid Haji bin Othman dan Haji Kamaluddin bin Othman di Air Itam, Pekan. Terdapat juga usaha-usaha penduduk jati Pahang membina madrasah atau sekolah agama bagi tujuan menyebarkan ilmu kepada masyarakat tempatan.

Keadaan ini dapat dibuktikan dengan perkembangan Madrasah al-Attas, Ketapang Pekan (1923) yang telah dimajukan oleh Haji Hassan bin Senik yang mendapat pendidikan di Madrasah al-Attas, Johor. Begitu juga Madrasah al-Wosto, Berhala Gantang, Temerloh (1948) yang telah dimajukan oleh Tuan Guru Haji Hasanuddin yang mendapat pendidikan pondok di Bunut Payong, Kelantan. Ini menunjukkan di negeri Pahang pendidikan agama Islam yang lebih formal telah berkembang melalui pondok dan madrasah (sekolah agama). Tujuan utama penubuhan sekolah agama adalah untuk memberi pelajaran dan didikan agama kepada anak bangsa serta mengembangkan syiar Islam. Di peringkat awal madrasah di Pahang dan Johor, guru-guru akan mengajar mata pelajaran seperti Lughah Arabiyah, Nahu wa saraf, Fiqh, Tafsir, Hadith, Insha', Imla', Tauhid, al-Quran, Usul Fiqh, Balaghah, Mantiq, Muhadathah, Qira'ah, Fara'id, Tajwid dan Akhlak.³² Manakala mata pelajaran umum (akademik) tidak diajar disebabkan ketiadaan tenaga pengajar. Oleh demikian, artikel ini secara tuntasnya akan membawa pembaca menelusuri amalan keagamaan dan keutamaan ilmu yang diberikan oleh masyarakat Islam khususnya di Johor dan Pahang serta kerjasama yang diberikan di dalam menjalin hubungan sistem pendidikan Islam bagi kedua-dua lokasi ini.

INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM DI JOHOR DAN PAHANG

Keutamaan ilmu yang diangkat martabatnya oleh masyarakat Islam di kedua-dua negeri ini dapat dilihat melalui usaha gigih para agamawan dan seluruh rakyatnya yang dapat dilihat melalui beberapa penubuhan institusi pendidikan Islam yang penting, antaranya ialah;

Pengajian di Masjid dan Surau

Masjid adalah sebagai institusi pendidikan Islam awal yang terpenting berfungsi memperkembangkan ilmu pengetahuan dan kebudayaan Islam. Masjid dijadikan pusat hentian setempat (*one stop center*) yang bertindak sebagai pengatur dan penyusun seluruh

³⁰ Munshi Abdullah Abdul Kadir, *Kesah Pelayaran Abdullah*. (Singapura: Malayan Publishing House, 1961), 36-37

³¹ Abdul Kadir Kamal, *Negeri Pahang Di Tengah-Tengah Perkembangan Agama Islam Dan Kristian*, Dalam Monograf Pahang Dalam Sejarah VI, Lembaga Muzium Negeri Pahang, (1997), 9.

³² Ahmad Muda. Sekolah Agama Rakyat Negeri Pahang, dalam *Islam di Malaysia*. (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia), 101.

aktiviti umat Islam dari segi rohani dan jasmani dalam menjalin hubungan dengan Allah mahupun sesama manusia. Aktiviti pengajian masjid dan surau dilakukan secara sukarela dan dianjurkan untuk kelas pengajian kanak-kanak. Buku pengajian yang digunakan adalah dalam Bahasa Melayu lama yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab. Di samping mempelajari al-Quran, ilmu Nahu, Tajwid, Fikah, Tasawuf, Akidah, Syariah dan Akhlak turut diajar.³³ Antara tokoh yang popular memperjuangkan pendidikan Islam di masjid dan surau di Pahang ialah Haji Shukor dan Tuan Sanggang pada zaman pemerintahan Bendahara Ali 1806-1857,³⁴ manakala di Johor boleh dikatakan keterlibatan para muftinya dalam bertindak sendiri turut ke masjid menyampaikan dakwah. Manakala pada zaman British, aktiviti surau dan masjid menjadi lebih meluas. Ia bukan sekadar menjadi tempat pengajian al-Quran bagi kanak-kanak bahkan menjadi tempat mesyuarat dan perhimpunan khas masyarakat tempatan.

Kelas Pengajian al-Quran

Pada zaman British, aktiviti pengajian al-Quran lebih meluas jika dibandingkan dengan zaman sebelumnya. Ini terjadi kerana kesedaran masyarakat terhadap kepentingan ilmu pengetahuan dan kesedaran berakidah mula terbentuk untuk kepentingan generasi akan datang. Motivasi ini terhasil daripada reaksi daripada pihak British yang tidak begitu mengambil berat mengenai pendidikan anak-anak Melayu terutamanya perkara berkaitan dengan Islam. Munshi Abdullah misalnya, pernah menggambarkan keadaan ini dengan menyebut;

*“kanak-kanak kampung zaman penjajah, pelajaran agama samalah juga seperti apa yang telah ada pada bapanya yang diceritakan itu. Demikian juga jalan-jalan mereka berolehnya iaitu bukan dengan jalan aturan sebagaimana dalam sekolah-sekolah. Tetapi adalah dengan usaha ibu bapanya sahaja mengajar sendiri atau menyerahkan mereka mengaji ke rumah atau surau guru Quran”.*³⁵

Pertumbuhan awal kelas-kelas al-Quran di kedua-dua negeri ini seolah-olah mendesak pihak kerajaan British menerima hakikat bahawa kelas pengajian al-Quran harus diperakui sebagai bentuk pengajian formal. Hal ini menyebabkan kerajaan negeri membayar gaji (sagu hati) kepada guru-guru al-quran. Rekod yang dilaporkan oleh “*Inspector of School*” pada tahun 1912 menunjukkan terdapat tiga orang guru al-Quran telah dibayar gaji. Laporan itu juga menyelitkan berita tentang pertambahan bilangan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka belajar agama di Pattani, Kedah dan Kelantan.³⁶ Pada tahun 1917, kelas pengajian al-Quran makin bertambah dan gaji guru al-Quran dibayar oleh Jabatan Pelajaran Pahang serta sultan mengeluarkan “surat tauliah” kepada guru-guru berkenaan.³⁷ Jika di Johor pula, usaha di dalam mengangkat keutamaan ilmu agama ini diperlihatkan melalui urusan pentauliah dan penilaian guru-guru al-Quran dikawal selia sepenuhnya oleh Jabatan Mufti Johor berdasarkan syarat utama yang digariskan Jabatan Agama Johor, iaitu setiap individu yang hendak menjawat jawatan guru Quran atau guru kitab sekolah-sekolah kerajaan dan yang mahu mengajar kelas agama secara sukarela diwajibkan memohon kebenaran dan tauliah dari

³³ Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam Skop dan Matlamatnya*, dalam Jurnal Pendidikan Islam, Bil. 1, (1984), 11

³⁴ W. Linehan, *op.cit*, (1936), 60.

³⁵ Munshi Abdullah Abdul Kadir, *op.cit*, (1961), 36-37.

³⁶ Federated Malay State, “Government Gazette”. (Kuala Lumpur, 1916), 25.

³⁷ Laporan pentadbiran kerajaan negeri Pahang, “Pahang Gazette”. (Kuala Lumpur, 1918), 67.

institusi terbabit. Ianya bertujuan agar ilmu-ilmu yang diajar tidak diseleweng atau bertentangan dengan ilmu Islam yang sebenarnya.³⁸

Pada 1927, peraturan yang ditetapkan oleh Mufti Johor antaranya memastikan agar setiap calon yang menduduki peperiksaan diwajibkan lulus dalam enam aspek utama yang membabitkan hal ehwal bacaan, rencana, karangan, ilmu bahasa, kira-kira dan geografi. Setiap calon juga dinilai kemampuan mereka di dalam menguasai aspek bacaan, rencana dan karangan agar setiap guru yang dilantik mampu membaca dan menguasai segala kitab pelajaran sekolah dengan terang, lancar dan betul tempat berhenti. Setiap kemahiran penuh yang dimiliki dianggap mampu digunakan sebaik mungkin bagi mendidik anak murid nanti. Melalui ilmu bahasa pula, setiap calon diwajibkan mengetahui dan menguasai sekurang-kurangnya separuh daripada kitab penyampaian Johor. Mufti juga mewajibkan setiap calon yang terpilih menguasai matematik yang mudah. Selain itu, setiap calon hendaklah mengetahui ilmu geografi yang meliputi peta dunia, benua, negeri, ibu negeri, lautan dan mata angin.³⁹

Ketegasan yang dilaksanakan oleh pihak mufti Johor di dalam menguatkuasakan undang-undang agar setiap guru memiliki ijazah diperkukuhkan lagi apabila beliau dengan kerjasama Jabatan Agama telah mengeluarkan pekeliling memerintahkan agar setiap individu yang mengajar, belajar agama Islam tanpa kebenaran daripada kerajaan dan mengajar agama Islam yang palsu di dalam Johor serta daerahnya dibicarakan serta didenda yang tidak lebih daripada sepuluh ringgit seorang.⁴⁰ Meskipun perlu melalui prosuder yang ketat, masyarakat Islam pada waktu itu tetap mempunyai semangat yang tinggi di dalam memperjuangkan pendidikan Islam, di mana dapat dilihat menjelang tahun 1928, terdapat 31 buah sekolah al-Quran di seluruh negeri Pahang dengan pencapaian muridnya seramai 1228 orang⁴¹ serta puluhan Sekolah al-Quran di negeri Johor.

Pengajian Pondok

Institusi pondok adalah salah satu daripada institusi pengajian tradisional yang unggul dan merupakan cetusan daripada pengajian di rumah, surau, masjid dan istana. Matlamatnya untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam kepada masyarakat bagi membentuk keperibadian Muslim yang sempurna. Pengajaran yang diberikan di pondok mempunyai taraf yang lebih tinggi berbanding pengajian di rumah-rumah imam dan guru. Ini turut disokong oleh Ahmad Mohd Salleh yang menyatakan sistem pengajian pondok boleh dikatakan kemas daripada penyampaian guru agama di rumah ataupun surau.⁴² Penelitian para sejarawan mendapati sistem pondok ini paling terkenal hanya di negeri Kelantan, Kedah, Terengganu, Pahang dan sebahagian lagi negeri seperti Perak dan Pulau Pinang.⁴³ Setengah sejarawan berpendapat Kelantan merupakan negeri paling terkenal dengan pengajian pondok sehingga dikenali sebagai Serambi Mekah iaitu tempat persinggahan sementara untuk belajar sebelum melanjutkan pelajaran mereka ke kota Mekah. Antara

³⁸ JUG 48/27, 'Yang Berhormat Dato Menteri Besar Berkehendakkan Suatu Repot Kerja Yang Diperbuat Oleh Dato Mufti Kerajaan'.

³⁹ JSUK 8, 'Peraturan Gaji Guru-Guru Sekolah Melayu Kerajaan Johor'.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ *Ibid.*

⁴² Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi, Metodologi*, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1997), 67-68

⁴³ Universiti Malaya, *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004), 190.

pondok yang terkenal di Kelantan⁴⁴ ialah Pondok Kubang Pasu, Pondok Tok Semaian dan Pondok Sungai Budur. Di Terengganu⁴⁵ pula Pondok Pulau Manis, Pondok Haji Ali Atas Tol dan Pondok Haji Wan Latif di Besut. Manakala di Kedah, Pondok Batu 16 atau lebih dikenali sebagai Pondok Pak Ya, Padang Lumat⁴⁶, Pondok Tuan Haji Ahmad, Pondok Haji Abdullah bin Kechik dan sebagainya.

Sistem pondok di Pahang dilihat sistem aplikasinya di beberapa daerah utama, antaranya ialah. Pondok yHaji Ismail Akil di Kampung Pasir Mas, Kuala Lipis; Haji Ibrahim bin Mohd Ali di Tanjung Besar, Kuala Lipis; Haji Abdul Mubin bin Mohd Taib di Beserah Kuantan; Haji Junid Haji bin Othman dan Haji Kamaluddin bin Othman di Air Itam, Pekan.⁴⁷ Kelahiran sekolah-sekolah pondok ini berlaku disebabkan kesesakan tempat belajar di rumah guru, surau atau masjid. Pertambahan murid yang ramai telah mendorong guru-guru al-Quran membentuk sebuah sekolah pondok yang diilhamkan dari cara pengajaran di Mekah. Khoo Kay Kim berpendapat pondok merupakan satu sistem pendidikan agama yang tertua sebelum wujudnya sistem pendidikan lain di Tanah Melayu.⁴⁸ Di Pahang, pendidikan pondok bertambah maju pada zaman pemerintahan Bendahara Ali (1806-1857) yang mana kadi dan mufti diberi tugas mengajar agama kepada sultan dan kerabatnya, manakala guru-guru agama yang tidak diberi jawatan khusus mesti mengajar agama kepada penduduk tempatan Pahang.⁴⁹ Justeru, tidak menghairankan apabila terdapat dalam kalangan kerabat Diraja Pahang pada zaman kedatangan Islam mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai Islam. Puteri Kamaliah⁵⁰ seorang puteri yang berpendidikan agama dan bijaksana terkenal sebagai penggubal kanun Islam Aceh yang berteraskan al-Quran dan Sunnah. Pembukaan sekolah pondok kepada orang awam yang terawal pernah direkodkan adalah sekitar tahun 1750an di kampung Berhala Gantang daerah Temerloh. Ia dipelopori oleh Tuan Haji Sahabuddin Zainal Abidin seorang ulama yang lahir di negeri Pahang.⁵¹ Pada tahun 1950 sekolah pondok ini telah menjadi sekolah agama rakyat dan diberi nama 'Madrasah al-Wosto' dan pada tahun 1985 pondok ini telah menjadi sekolah menengah agama dan diambilalih oleh kerajaan negeri Pahang.⁵²

Kurikulum pengajian pondok menitikberatkan ilmu-ilmu naqliyah di samping ilmu *asriyah* iaitu ilmu perantaraan. Antara ilmu yang dimaksudkan ialah membaca al-Quran, Tajwid, Usuluddin, Fiqh, Usul Balaghah, Falak, Kesusasteraan Islam, Bahasa Arab, Sejarah Islam dan Ubat-ubatan bagi sesetengah pondok. Antara keistimewaan yang dimiliki oleh

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Abdullah Jusuh, *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 10.

⁴⁶ Md. Noor Salleh, Abdul Halim Haji Salleh, *Islam di Kedah Darul Aman*. Kedah: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, (1998), 110.

⁴⁷ Abdul Kadir Kamal (1997), *op.cit.*

⁴⁸ Khoo Kay Kim, "Malay Society 1874-1920" dalam *Jurnal of Southeast Asian Studies*, vol. 5, no. 2, (1974), 186.

⁴⁹ Mohd Mokhtar Daud, *Singgahsana Negeri Pahang*. (Pekan, 1957), 5.

⁵⁰ Puteri Kamaliah termasyur dalam sejarah Aceh kerana kepintaran dan kebijaksanaannya membentuk majlis perundangan "Balai Majlis Mahkamah Rakyat" yang berorientasikan perundangan Islam. Puteri kamaliah adalah isteri kepada Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam pemerintah negeri Aceh. Asal beliau adalah anak keluarga Diraja Pahang yang ditawan semasa berlakunya peperangan antara Aceh dengan Pahang pada tahun 1617.

⁵¹ Mohd Taib Hassan, "Tokoh-tokoh Ulama di Negeri Pahang Darul Makmur". Kertas kerja seminar Sejarah Negeri Pahang darul Makmur, (Kuantan, 16-19 April 1992)

⁵² Abdul Wahab Abdullah dan Mohamad Jamali Awang Lirai (1983), "Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam di Negeri Pahang". Kertas kerja seminar Agama Islam di Negeri Pahang, Kuantan, November 1992.

institusi pendidikan Islam silam (pondok) ini adalah⁵³ pertama, sistem pengajian yang dibuat secara swasta tanpa kongkongan dan kekangan polisi dari pihak pemerintah. Keadaan ini menyebabkan seseorang ulama itu dapat bertindak secara bebas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang mempunyai agenda dan kepentingan tertentu.

Pengajian di Majlis-Majlis Khas

Pengajian di majlis-majlis khas memang mendapat tempat di hati masyarakat Islam Pahang. Majlis pengajian seperti ini telah dipelopori oleh golongan syed yang bermastautin di Pahang.⁵⁴ Golongan Syed dan Sayid ini merencanakan agenda pengajian secara tahunan, bulanan dan mingguan yang mana ia bergerak dari satu tempat secara bergilir-gilir. Lazimnya penduduk kampung akan membawa juadah untuk menikmati bersama guru dan jemaah ilmu yang lain. Pengajian bentuk ini amat berkesan bukan sahaja sebagai misi dakwah dan ilmu bahkan melaluinya ia dapat mengeratkan perpaduan dan kerjasama masyarakat Melayu Islam Pahang.

Antara tokoh terkemuka yang pernah dipanggil memberi pengajian agama dalam majlis pengajian khas ini ialah Hamzah Fansuri. Beliau terkenal sebagai ulama tasawuf yang merantau dari Aceh ke Pahang pada abad ke 17M.⁵⁵ Seorang lagi ulama yang terkenal dalam perkembangan Islam di Pahang ialah Nuruddin al-Raniri berasal dari Ranir, India. Beliau datang ke Pahang untuk mengajar ilmu-ilmu agama kepada masyarakat di samping mengarang beberapa buah kitab yang terkenal.

Pengajian Madrasah atau Sekolah Agama

Institusi pondok akhirnya mengalami kemerosotan selepas berlakunya perang dunia kedua iaitu selepas tahun 1945.⁵⁶ Dengan itu, sistem pendidikan berbentuk madrasah atau sekolah-sekolah agama/Arab yang lebih formal dan sistematik telah ditubuhkan. Madrasah tidak boleh disamaertikan dengan pusat pengajian tinggi yang ada sekarang dan hal ini menibukan kesulitan dalam usaha untuk menterjemah maksud madrasah. Beberapa pengkaji sejarah pendidikan Islam menterjemahkan perkataan madrasah ke dalam bahasa Inggeris secara bervariasi seperti *school*, *college* atau *academy*. Walau bagaimanapun, semua perkataan tersebut tidak dapat memori maksud tepat untuuk menggambarkan perkataan madrasah yang sebenarnya dalam dunia pendidikan Islam.

Pendidikan madrasah ini mula berkembang pada awal tahun 1920-an dan sistem itu kekal hingga ke hari ini. Tujuan penubuhannya yang utama adalah untuk bersaing dengan sekolah-sekolah Inggeris dan vernakular Melayu. Sistem pentadbiran madrasah berlaku secara berasingan namun, kurikulum asas yang diperkenalkan adalah sama iaitu Akidah, Syariah dan Bahasa Arab dijadikan bahasa pengantar dalam proses pembelajaran dan

⁵³ Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Analisis Sejarah Dakwah dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia", dalam Zulkiple Abd. Ghani (ed.), *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*. UKM: Terbitan Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), (2003), 47-74.

⁵⁴ Pengajian Majlis-majlis Khas adalah suatu bentuk pengajian tradisional yang dilakukan oleh masyarakat Islam di Tanah Melayu. Biasanya pengajian seumpama ini diadakan pada hari-hari kebesaran Islam, misalnya perayaan menyambut Tahun Baru Hijrah, hari kelahiran Rasulullah SAW dan sebagainya. Sempena dengan majlis tersebut diadakan ceramah agama dari guru tempatan mahupun guru yang didatangkan dari luar

⁵⁵ Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Golongan Syed di Pahang*. (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 75.

⁵⁶ William R. Roff (1967), *op.cit*.

pengajaran. Ramai pelajar lepasan dari institusi madrasah melanjutkan pelajaran mereka ke Asia Barat seperti di Masjidil-Haram, Makkah dan Universiti Al-Azhar, Mesir.

Di Pahang, terdapat empat buah madrasah atau lebih dikenali sebagai sekolah agama rakyat yang pertama memelopori institusi pendidikan Islam madrasah di Pahang ialah Madrasah al-Attas, Pekan (1923), Madrasah al-Islah, Kuala Tekal Temerloh (1925), Madrasah al-Khairiah, Temerloh (1927) dan Kuliah Sultan Abu Bakar, Pekan (1941). Sekolah agama rakyat yang pertama ditubuhkan di negeri Pahang ialah Sekolah Agama al-Attas, Ketapang Pekan⁵⁷ iaitu pada tahun 1923 oleh Habib Hassan seorang hartawan Johor dan usaha Haji Omar Abdullah. Melalui persetujuan untuk menubuhkan madrasah, haji Mohd Hassan bin Senik dilantik menjadi guru besar di Madrasah al-Attas, Ketapang Pekan dan dibantu oleh dua orang guru yang merupakan lepasan Madrasah al-Attas, Johor. Sekolah ini dibina secara gotong royong oleh masyarakat setempat. Madrasah ini mempunyai jadual waktu, papan hitam, dan murid-murid belajar menggunakan buku tulis. Sistem persekolahan dan sukatan pelajaran diambil dari Madrasah al-Attas, Johor. Hal ini berlaku kerana kedua-dua madrasah mempunyai pertalian yang cukup rapat.

Selain itu terdapat juga Madrasah al-Attas iaitu di Kuala Tekal⁵⁸ oleh Habib Hassan. Menurut sejarah, pada awalnya ia dibina di Kuala Krau tetapi pada tahun 1926 telah berlaku banjir besar dan ia dipindahkan ke Kuala Tekal serta namanya diubah kepada Madrasah al-Islah. Madrasah al-Khairiah, Temerloh turut dibina pada tahun 1927 atas cetusan idea Tuan haji Sidin Mohd Salleh bersama rakan-rakannya. Objektif utama madrasah ini ialah untuk memberi pelajaran dan didikan agama kepada anak bangsa.

Sebuah lagi madrasah atau sekolah agama terpenting dalam sejarah perkembangan institusi pendidikan Islam di Pahang ialah Kuliah Sultan Abu Bakar, Pekan yang ditubuhkan pada tahun 1941. Sekolah ini ditubuhkan hasil dari hasrat dan impian Sultan Abu Bakar yang mahu mewujudkan sebuah pusat pengajian tinggi yang pertama di Pahang bagi meningkatkan dan memperkembangkan dakwah Islam di negeri itu.⁵⁹ Hasrat baginda telah disokong Majlis Anggota Islam Pahang, ulama-ulama dan segenap masyarakat Pahang. Justeru, Tengku Besar Sulaiman, ketua Majlis Agama Islam Pahang telah dipertanggungjawabkan untuk membina sekolah ini dengan menggunakan wang zakat dan baitul mal.

Ekoran usaha pelaksanaannya, maka pada 30 Mei 1941 telah wujud Asas Pendidikan Islam Tinggi dan Bahasa Arab secara rasmi di Kuliah Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang. Institusi Pendidikan Tinggi Islam ini dibuka dengan penuh istiadat dengan laungan “Istiadat Membuka Kuliah al-Lughah Waddin al-Sultan Abu Bakar, Pekan oleh Sultan Abu Bakar⁶⁰ dan namanya kekal sehingga kini. Matlamat penubuhan kuliah ini bukan sekadar memberi kemudahan khususnya anak jati Pahang untuk mendalami ilmu pengetahuan Islam tetapi untuk melahirkan ulama, pendidik dan pemimpin yang berilmu dan bertakwa.

Berbeza pula dengan keadaan sistem pendidikan berbentuk madrasah di Johor, apabila ianya tidak dikenali sebagai madrasah, tetapi diperkenalkan sistem Sekolah-sekolah Arab, yang diwujudkan sebagai suatu usaha ke arah integrasi ilmu antara akademik dan agama berbanding dengan perkembangan pendidikan sebelum merdeka. Transformasi yang diadakan dalam pelbagai bidang merupakan suatu gerakan ke arah memperkenalkan pelajaran yang sistematik bagi negeri Johor dan merupakan suatu persediaan permulaan bagi pelajar-pelajarnya meneruskan dan meluaskan pelajaran dengan bahasa Arab sama ada di dalam atau ke luar negeri.⁶¹ Sistem sekolah-sekolah Arab ini dimulakan melalui cadangan Syed Alwi bin

⁵⁷ Ahmad Muda, *op.cit*, 101. Lihat juga Saliturahim Alias et.al, *op.cit*, (2012), 2.

⁵⁸ Mahayudin Yahaya, *op.cit*, (1984).

⁵⁹ Saliturahim Alias et.al, *op.cit*, (2012), 5.

⁶⁰ *Ibid*.

⁶¹ PAJ 554/47, ‘Berkehendakkan Kenyataan Sekolah Arab Yang Didirikan Oleh Orang Ramai’, 2.

Tahir al-Haddad, Mufti Johor pada ketika itu yang bertindak membina yang dikeluarkan oleh kurikulum yang seragam bagi Sekolah-sekolah Arab seluruh Johor. Penglibatan beliau bermula apabila YM Tuanku Ibrahim, sultan yang memerintah ketika itu mencadangkan agar ditubuhkan sekolah-sekolah Arab secara bersistematik di bawah kelolaan kerajaan Johor sendiri. Kecenderungan akan pentingnya diwujudkan sekolah-sekolah Arab dinilai berdasarkan beberapa kenyataan baginda yang melihat senario masyarakat Melayu yang membaca al-Quran tetapi tidak mengerti maksud yang terkandung di dalamnya. Baginda berpendapat dengan membuka sekolah Arab, generasi muda akan mengetahui bahasa Arab dan mampu memahaminya apabila membaca al-Quran.⁶²

Penglibatan Syed 'Alwi dalam hal ehwal pentadbiran sekolah-sekolah Arab ini sememangnya tepat pada masanya. Ini kerana seawal tahun 1912, meskipun telah terdapat beberapa sekolah Arab yang didirikan di atas pembiayaan dan usaha sama oleh masyarakat setempat, akhirnya kedudukan kewangan institusi-institusi ini berada dalam keadaan genting apabila kekurangan dana dan hampir ditutup kerana berhentinya sumbangan daripada masyarakat awam. Antara sekolah Arab ditambah baik dengan sistem kurikulum yang baru ialah empat buah sekolah iaitu Sekolah Agama Bahasa Arab Kampung Tengah Sekamat, Madrasah al-Arabiyyah Al-Islamiah Muar dan Madrasah al-Arabiah Persekutuan Melayu Kluang. Menerusi plan tindakan yang dijana oleh Syed 'Alwi, menyaksikan ramai pelajar-pelajar lulusan daripada sekolah-sekolah Arab terbabit mempunyai peluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi melalui sukatan pelajaran yang lebih sistematik.⁶³

PERJUANGAN MEMARTABATKAN ILMU DI JOHOR DAN PAHANG SELEPAS MERDEKA

Faktor penjajahan dan serapan konsep pendidikan sekular daripada Barat di Tanah Melayu secara perlahan-lahan telah menyebabkan usaha untuk memartabatkan kegiatan ilmu di peringkat sekolah-sekolah agama yang berteraskan pendidikan Islam mengalami zaman kemerosotan. Ini kerana melalui sistem sekular, pelajar-pelajar sekolah kerajaan diberi jaminan dari segi ekonomi. Disebabkan rakyat Malaysia menyedari bahawa ekonomi merupakan faktor penting dalam kehidupan maka ramailah ibu bapa pada ketika itu cenderung menghantar anak-anak ke sekolah kerajaan berbanding sekolah-sekolah agama.⁶⁴ Di bawah sistem pendidikan sekular, kurikulum pendidikan dipecahkan kepada dua kumpulan yang saling berkaitan iaitu bahagian Islam dan bahagian moden.⁶⁵ Namun, sistem sekular ini telah mendominasi pelajaran akademik dan mendiskriminasikan pelajaran agama di sekolah-sekolah.

Pengiktirafan terhadap ilmu dan sistem pendidikan Islam yang diamalkan di kedua-dua negeri ini menyaksikan perubahan yang ketara di dalam penjana ilmu ke dalam jiwa masyarakat pada zaman tersebut. Kesungguhana para ilmuan dan ahli masyarakatnya di dalam menyebarkan serta menaikkan sistem ilmu ini telah mendapat pengiktirafan di peringkat dalam dan luar negara. Hal ini dapat dilihat apabila perkembangan ini telah

⁶² PAJ 55/49, 'Penyata Tahun 1948 Dikehendaki Dibentang Di Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Yang Pertama Tahun 1949'. Lihat juga Surat Arahan dan Makluman oleh Yang Dipertua, Jabatan Agama Johor, Bil. 459/48 bertarikh 21 Oktober 1948.

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ Wong Hoy Kee dan Gwee Yee Hean, *Perspective: The Development of Education in Malaysia and Singapore*. (Kuala Lumpur: Heinemann Education Book, 1972), 22.

⁶⁵ Mohd Salleh Lebar, *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*. (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1992), 52.

mendorong kerajaan Pahang untuk mengambil alih pengurusan dan pentadbiran institusi pendidikan Islam ini demi menjaga kepentingan, menjadikannya lebih profesional, melengkapkan prasarana dan pembangunan fizikal sekolah ke arah yang lebih baik. Menjadi satu detik bersejarah apabila tahun 1965 Kuliah Sultan Abu Bakar, Pekan menjadi institusi pendidikan Islam pertama yang diambilalih oleh kerajaan Negeri Pahang. Hal ini juga bagi menjadikan sekolah-sekolah agama yang diambilalih mempunyai sumber kewangan yang tetap dan memastikan kekurangan tenaga pengajar berkelayakan di sekolah agama dapat diatasi. Pertukaran tampuk pengurusan sekolah agama ini telah menyelesaikan banyak masalah berkaitan seperti pengurusan kewangan yang besar malah perancangan strategik perlu direncanakan bagi memberi imej yang baik kepada negeri Pahang. Sekolah-sekolah agama yang diambilalih dan diletakkan di bawah kerajaan negeri Pahang dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Pahang (SMAN). Sekolah agama pertama yang diambilalih oleh kerajaan negeri Pahang ialah *Kulliah al-Lughah waddin as-Sultan Abu Bakar*, Pekan pada tahun 1965. Sehingga tahun 2015, terdapat sebanyak 18 buah Sekolah Agama Kerajaan Negeri Pahang (SMAN) dan antaranya adalah *Kulliah al-Lughah waddin as-Sultan Abu Bakar, Pekan*; Sekolah Menengah Agama al-Attas, Pekan; Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Fatimah, Pekan; Sekolah Menengah Agama al-Ihsan, Kuantan; Sekolah Menengah Agama Rompin, Kuala Rompin; Sekolah Menengah Agama al-Wosto, Temerloh dan sebagainya. Manakala bagi Sekolah Agama Rakyat negeri Pahang (SAR) sehingga kini bilangannya sebanyak 12 buah sekolah yang terdiri daripada Sekolah Menengah Agama al-Ittafiqiah, Guai Temerloh; Madrasah Diniah Arabiah, Bentong; Sekolah Menengah Agama Darunnaim, Kuala Krau Temerloh; Sekolah Menengah Agama an-Nizomiyah, Jerantut; Sekolah Menengah Agama al-Hidayah, Ketapang Pekan dan sebagainya.

Sistem pendidikan dan pentadbiran sekolah-sekolah agama dan madrasah Arab Johor pula tampaknya mengalami beberapa perubahan besar di bawah seliaan kedua-dua ulama Hadhrami ini. Kemajuan yang diteroka oleh mereka bukan hanya mampu memberi impak perubahan yang besar dalam tradisi pentadbiran dan pendidikan Islam di Johor, bahkan ia mampu membuka mata dan memberi idea-idea baru kepada pihak pentadbir agama di negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Perkara ini diperakui oleh pelbagai pihak yang menyebut bahawa Sistem Pendidikan Islam Johor (SAJ) mampu diteladani bagi membentuk sahsiah manusia Melayu Islam di negeri ini. Selain daripada pendidikan asas agama yang cukup mantap dan diperkukuh dengan latihan amali, pelajarnya juga dibimbing menceburkan diri dalam kegiatan agama masyarakat setempat.⁶⁶

Melalui aspek pendidikan pula, beberapa implikasinya dapat dilihat, misalnya apabila kerajaan Terengganu dan Perlis pernah memohon kitab-kitab pelajaran yang diguna pakai oleh Jabatan Agama Johor bagi dijadikan panduan seterusnya diambil sebagai modul pelajaran agama di negeri Terengganu pula.⁶⁷ Kemajuan yang dicapai oleh bahagian Pendidikan Islam di Johor mencapai kemuncaknya apabila pada tahun 1949, kerajaan Brunei menghantar permohonan mahu mendaftarkan pelajar-pelajar dari negaranya bagi belajar di madrasah Arab iaitu madrasah al-‘Attas Johor Bahru.⁶⁸ Bahkan apa yang lebih membanggakan ialah pembukaan sekolah Ugama Brunei yang dibuka pada tahun 1956 ialah berdasarkan kepada sistem sekolah-sekolah Ugama di negeri Johor. Sistem tersebut termasuklah peraturan-peraturan, sukatan pelajaran, buku-buku teks bahkan guru-guru dan

⁶⁶ “Pendidikan Islam Berteraskan Jawi”, Berita Harian, (April 6, 2003), 18

⁶⁷ PAJ 556/40, ‘Ketua Pelajaran Agama Terengganu Berkehendakkan Contoh-Contoh Kitab-Kitab Pelajaran Agama Diminta Supaya Dapat Dikirimkan Serba Sebuah Demikian Adanya’; PAJ 379/48, ‘Mohon Kitab-Kitab Pelajaran Agama Di Johor Yang Digunakan Di Sekolah Agama’.

⁶⁸ PAJ 435/49, ‘Pemuda-Pemuda Dari Negara Brunei Hendak Belajar Agama Di Malaya’.

pegawai-pegawai yang mentadbir juga pada mulanya semuanya didatangkan dari negeri Johor.⁶⁹ Pada tahun yang sama, negeri Pahang juga ada memohon keterangan dan prosedur bagi menghantar pelajar-pelajar ke Mesir.⁷⁰ Pada tahun 1960-an pula, kerajaan Johor menerima beberapa lawatan daripada negeri Terengganu, Brunei dan Singapura yang berminat mahu melihat sendiri sistem persekolahan dan kokurikulum yang dijalankan di sekolah-sekolah agama di Johor.⁷¹

KESIMPULAN

Perkembangan institusi pendidikan Islam sejak permulaan Islam banyak dipengaruhi oleh perkembangan dan penghayatan Islam itu sendiri. Tasawwur dan perkembangan pemikiran Islam memberikan banyak perubahan kepada perkembangan berkenaan. Efektifnya institusi pendidikan Islam akan dapat dilihat dari penghayatan ajaran-ajaran Islam dalam kehidupan keluarga dan masyarakat Islam. Begitu jugalah dengan perkembangan institusi-institusi pendidikan Islam di Pahang telah memainkan peranan memberi ilmu pengetahuan agama kepada masyarakat selain negeri Kelantan dan Johor memberi pengaruh besar ke atas perkembangan pendidikan Islam di negeri Pahang.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah merupakan kajian yang diperoleh menerusi geran penyelidikan USIM/RAGS/PPT/35/50114 yang bertajuk “Integrasi Intelektual Ulama Arab Hadrami Abad ke 21M: Analisis Implikasi Dakwah Terhadap Masyarakat Islam”.

RUJUKAN

Abd al-Rahman al Naqib, “Avicenna 370AH- 428AH –980 AH- 1037AD”, *Prospects: the quarterly review of comparative education*, vol. XXIII, no. 1/2, 1993 (Paris, UNESCO: International Bureau of Education, 2000)

Abd Jalil Borham, *Islam Di Pahang*. Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang, 2012.

Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam Skop dan Matlamatnya*, dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil. 1, 1984.

Abdul Hamid Mohd Daud, *Perkembangan Persekolahan Agama Di Negara Brunei Darussalam Dari Tahun 1956-1984M*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2004.

Abdul Kadir Kamal, *Negeri Pahang Di Tengah-Tengah Perkembangan Agama Islam Dan Kristian*, Dalam *Monograf Pahang Dalam Sejarah VI*, Lembaga Muzium Negeri Pahang, 1997.

⁶⁹ Abdul Hamid Mohd Daud, *Perkembangan Persekolahan Agama Di Negara Brunei Darussalam Dari Tahun 1956-1984M*, (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2004).

⁷⁰ PAJ 279/49, ‘Minta Keterangan Cara Menghantar Penuntut Melayu Belajar Ilmu Agama Di Mesir’.

⁷¹ PAJ 14/58, ‘Pelawat Luar Negeri Ke Pejabat Agama Negeri Johor’; PAJ 31/55, ‘Lawatan Pegawai-Pegawai Sekolah Agama Terengganu’.

- Abdul Wahab Abdullah dan Mohamad Jamali Awang Lirai (1983), "*Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam di Negeri Pahang*". Kertas kerja seminar Agama Islam di Negeri Pahang, Kuantan, November 1992.
- Abdullah Jusuh, *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Ahmad Muda. Sekolah Agama Rakyat Negeri Pahang, dalam *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi, Metodologi*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1997.
- Awang Had Salleh, *Pendidikan ke arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: Fajar bakti, 1980.
- Buyong Adil, *Sejarah Melaka Dalam Zaman Kerajaan Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1973.
- Beliau menerima lantikan sebagai pemangku mufti sehingga jawatan Mufti dipegang oleh Syed 'Alwi bin Tahir al-Haddad. *The Straits Time*, National Library Board, Singapore, November 29, 1933 "Johore Mufti", 18. Accessed 6 April 2011 : <http://newspapers.nl.sg/>.
- Bermaksud agama. Rujuk Noresah Baharom (ed.), c.4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Berita Harian, April 6, 2003, "Pendidikan Islam Berteraskan Jawi".
- C. D. Chelliah, *A History of Education Policy of The Straits Settlements*. Kuala Lumpur: The Government Press, 1947.
- Federated Malay State, "Government Gazette". Kuala Lumpur, 1916.
- Ghazali Basri, Di Sekitar Permasalahan Ilmu di dalam buku Faham Ilmu, Pertumbuhan dan Implikasi, Kuala Lumpur, Nurin Enterprise, 1990.
- Haji Abdullah Ishak *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- J. M Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, (1970), 223. Lihat juga Abd Jalil Borham (2010), *Jejak Warisan Pahang Pencetus Tamadun Pembangunan Modal Insan Holistik*. Ucaptama Seminar Kebangsaan Jejak Warisan Negeri Pahang: Wacana Mengingati Sejarah Ke arah Kecemerlangan Masa Depan, Universiti Malaysia Pahang, 24 September 2010.
- JUG 48/27, 'Yang Berhormat Dato Menteri Besar Berkehendakkan Suatu Repot Kerja Yang Diperbuat Oleh Dato Mufti Kerajaan'.
- JSUK 8, 'Peraturan Gaji Guru-Guru Sekolah Melayu Kerajaan Johor'.

Khoo Kay Kim, “*Malay Society 1874-1920*” dalam *Jurnal of Southeast Asian Studies*, vol. 5, no. 2, 1974.

Laporan pentadbiran kerajaan negeri Pahang, “*Pahang Gazette*”. Kuala Lumpur, 1918.

Madiha Baharuddin, “The Position of Algebra in Science of Faraid: The Role of al-Khawarizmi in His Book *al-Jabr Wa al-Muqabalah*” dalam *Peradaban Islam Di Asia, Isu Sejarah*. USIM:Penerbit USIM, 2017.

M. A. Rauf, *Ikhtisar Sejarah Islam dan Hubungannya Yang Khusus Dengan Semenanjung Malaysia*. Rustam A.Sani (terj.), Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1987.

Munshi Abdullah Abdul Kadir, *Kisah Pelayaran Abdullah*. Singapura: Malayan Publishing House, 1961.

Md. Noor Salleh, Abdul Halim Haji Salleh, *Islam di Kedah Darul Aman*. Kedah: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, 1998..

Mohd Mokhtar Daud, *Singgahsana Negeri Pahang*. Pekan, 1957.

Mohd Taib Hassan, “*Tokoh-tokoh Ulama di Negeri Pahang Darul Makmur*”. Kertas kerja seminar Sejarah Negeri Pahang darul Makmur, Kuantan, 16-19 April 1992, 1992.

Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Golongan Syed di Pahang*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

Mohd Salleh Lebar, *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1992.

PAJ 554/47, ‘Berkehendakkan Kenyataan Sekolah Arab Yang Didirikan Oleh Orang Ramai’.

PAJ 55/49, ‘Penyata Tahun 1948 Dikehendaki Dibentang Di Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Yang Pertama Tahun 1949’. Lihat juga Surat Arahan dan Makluman oleh Yang Dipertua, Jabatan Agama Johor, Bil. 459/48 bertarikh 21 Oktober 1948.

PAJ 556/40, ‘Ketua Pelajaran Agama Terengganu Berkehendakkan Contoh-Contoh Kitab-Kitab Pelajaran Agama Diminta Supaya Dapat Dikirimkan Serba Sebuah Demikian Adanya’; PAJ 379/48, ‘Mohon Kitab-Kitab Pelajaran Agama Di Johor Yang Digunakan Di Sekolah Agama’.

PAJ 435/49, ‘Pemuda-Pemuda Dari Negara Brunei Hendak Belajar Agama Di Malaya’.

PAJ 279/49, ‘Minta Keterangan Cara Menghantar Penuntut Melayu Belajar Ilmu Agama Di Mesir’.

PAJ 14/58, ‘Pelawat Luar Negeri Ke Pejabat Agama Negeri Johor’; PAJ 31/55, ‘Lawatan Pegawai-Pegawai Sekolah Agama Terengganu’.

Rahimin Affandi Abd Rahim dan Idris Awang, “*Usaha Memperkasakan Institusi Pendidikan Islam di IPTA Malaysia: Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM*”, dalam

Prosiding Seminar Kebangsaan memperkasakan sistem pendidikan. Johor Bharu :Anjuran Fakulti pendidikan UTM, , pada 21 Okt 2003.

Rahimin Affandi Abd. Rahim, “Analisis Sejarah Dakwah dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia”, dalam Zulkiple Abd. Ghani (ed.), *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*. UKM: Terbitan Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), 2003.

Sahih Muslim, No Hadith: 27222

Saliturahim Alias et.al, *Sekolah Agama Islam di Pahang: Satu Kajian Sejarah dan Perkembangan Awal*, dalam Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam, 3-6 Julai 2012, Seremban, 2012.

SSD 1885-1940.

Sufean Hussin, *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Universiti Malaya, *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004.

Wan Fuad Wan Hassan, *Ringkasan Sejarah Sains*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

W. Linehan *History of Pahang*, vol. XIV, JMBRAS. Kuala Lumpur, 1973.

William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, New. Haven: Yale University Press, 1967.

Wong Hoy Kee dan Gwee Yee Hean *Perspective: The Development of Education in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Heinemann Education Book, 1972.

W. Montgomery Watt, 1997.